

Pelanggan yang dihormati,

**PEMAKLUMAN TERKINI BERKENAAN KEPERLUAN KONTRAKTOR UNTUK
MEMPERAKUI SYARAT DAN TERMA PENDAFTARAN KONTRAKTOR DI DALAM
SISTEM CIMS**

Adalah dimaklumkan bahawa berkuatkuasa 13 Julai 2022, setiap kontraktor dikenhendaki untuk memperakui syarat dan terma pendaftaran kontraktor melalui permohonan pendaftaran yang dibuat di dalam Sistem CIMS. Syarat Dan Terma Pendaftaran Kontraktor adalah seperti berikut :

Takrifan

Bon Pematuhan bermaksud satu bon yang dikemukakan oleh kontraktor sebagai jaminan bahawa ia akan mematuhi terma dan syarat pendaftaran kontraktor ini dan apa-apa kehendak CIDB di bawah peruntukan Akta 520.

Keperluan dan Prosedur Pendaftaran Kontaktor bermaksud tatacara yang mengandungi rujukan dan keperluan yang diperlukan dari pihak kontraktor untuk urusan berkaitan Pendaftaran Kontraktor

Orang Yang Diberikuasa bermaksud orang yang diberikuasa penuh oleh majikannya untuk berurusan dengan CIDB dan sebarang keputusan dan atau tindakan yang dibuat olehnya adalah mengikat pihak majikan.

Orang Kompeten bermaksud mana-mana orang yang diiktiraf kompeten di bawah mana-mana akta bertulis.

Tarikh Liabiliti bermaksud tarikh yang ditetapkan oleh CIDB untuk membuat pembayaran levi.

Arahan bermaksud Perintah atau kehendak yang dikeluarkan oleh CIDB untuk melakukan suatu tindakan tertentu.

1	SYARAT AM
1.1	Perakuan Pendaftaran tidak boleh dipindahmilik.
1.2	CIDB berhak mengubah syarat dan terma pendaftaran pada bila-bila masa.
1.3	CIDB berhak mengeluarkan Pekeliling dan/ atau Garis Panduan untuk memberi Arahan dan menyatakan Proses/ Prosidur yang perlu dipatuhi oleh kontraktor dari masa kesemasa.
1.4	Permohonan untuk berdaftar mestilah dibuat oleh salah seorang pemilik/ pengarah yang di berikuasa penuh oleh semua pengarah/ pemilik/ ahli Lembaga Pengarah syarikat/ perniagaan dan mereka akan dinamakan sebagai pemohon. Pemohon bertanggungjawab sepenuhnya ke atas maklumat yang diisytihar kepada CIDB.

	<p>1.5 Seorang pemohon hanya boleh memohon untuk satu syarikat yang berdaftar dengan CIDB sahaja.</p> <p>1.6 Kontraktor yang hendak didaftarkan mestilah memenuhi kriteria yang ingin dimohon dan mempunyai kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Keperluan Prosedur Pendaftaran Kontraktor dan/ atau Manual Pengguna</p> <p>1.7 CIDB berhak memberi Gred, Kategori dan Pengkhususan yang bersesuaian tanpa mengira permohonan yang dibuat oleh kontraktor. CIDB juga berhak untuk membuat sebarang kajian semula pada bila-bila masa.</p> <p>1.8 Kontraktor boleh dikehendaki meletakkan Bon Pematuhan syarat dan tanggung jawab sebagai kontraktor.</p> <p>1.9 Kontraktor boleh dikehendaki mengemukakan Akujanji untuk mematuhi syarat dan tanggung jawab sebagai kontraktor.</p> <p>1.10 Kontraktor hendaklah bebas dari sebarang tindakan tatatertib atau mahkamah semasa mengemukakan permohonan.</p>
2	PERSIJILAN
	<p>2.1 CIDB boleh mengkehendaki mana-mana kontraktor untuk mendapatkan persijilan antarabangsa dan atau tempatan yang diiktiraf oleh CIDB untuk meningkatkan keupayaan kontraktor dalam melaksanakan projek pembinaan. Contoh persijilan adalah ISO 9001, ISO 45001 , ISO 14001 dan lain-lain persijilan yang diterima oleh CIDB.</p> <p>2.2 CIDB boleh mengambil tindakan atas Pendaftaran sediada sekiranya gagal mengekalkan persijilan.</p>
3	PENGIKTRAFAN (Pengkhususan dan Kepakaran)
	<p>3.1 Kontraktor tertentu yang telah ditetapkan dalam Prosedur Pendaftaran Kontraktor dikehendaki untuk mendapatkan siji-sijil tertentu yang telah ditetapkan seperti :-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sijil Kecekapan Pengurusan Bisnes (SKP) Wajib dimiliki oleh salah seorang pengarah/ pemilik/ ahli lembaga pengarah semasa mengemukakan permohonan pembaharuan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) kali pertama. Keperluan sijil ini hanya tertakluk kepada kontraktor G1-G3 yang tidak mempunyai personel teknikal semasa mengemukakan permohonan sebagai kontraktor baru. ii. Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan Fasiliti (SKKP) Wajib dimiliki oleh personel teknikal yang mempunyai pengalaman dalam bidang fasiliti. Keperluan sijil ini hanya tertakluk kepada pembaharuan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) kontraktor Fasiliti.

	<p>iii. Sijil Kecekapan Pengurusan Fasiliti (SKP) Wajib dimiliki oleh salah seorang pengarah/ pemilik/ ahli lembaga pengarah semasa pembaharuan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) kali pertama sebagai kontraktor Fasiliti</p> <p>Sijil-sijil tersebut diperolehi menerusi kursus yang diiktiraf oleh CIDB.</p> <p>3.2 Tempoh untuk Kontraktor menghadiri dan lulus sijil-sijil tersebut adalah dihadkan dalam tempoh 2 tahun dari tarikh Perakuan Pendaftaran Kontraktor dikeluarkan atau sebelum Pendaftaran Kontraktor untuk tempoh yang seterusnya.</p> <p>3.3 Sijil-sijil tersebut perlulah dikemukakan sebelum pendaftaran Kontraktor untuk tempoh yang seterusnya.</p> <p>3.4 Kontraktor yang dikehendaki mengemukakan orang kompeten dalam Syarikatnya hendaklah memastikan Orang Kompeten tersebut berdaftar dengan Badan/ Agensi Kawal Selia yang terbabit dalam keadaan pendaftaran tersebut masih dalam tempoh sah.</p> <p>3.5 Kontraktor yang dikehendaki mengemukakan pendaftaran/ permit tertentu, hendaklah memastikan syarikat/ perniagaannya berdaftar dengan Badan/ Agensi Kawal Selia yang terbabit dalam keadaan pendaftaran tersebut masih dalam tempoh sah.</p> <p>3.6 Kontraktor perlu mengemukakan bukti kerja bahawa kontraktor ada atau pernah melaksanakan kerja tersebut untuk permohonan tambah pengkhususan tersebut.</p>
4	PENARAFAN - Rating
	<p>4.1 CIDB boleh mengkehendaki mana-mana kontraktor untuk melalui proses penarafan.</p> <p>4.2 Kontraktor Gred 1 boleh dikehendaki memiliki Sijil Program Penilaian Keupayaan & Kemampuan Kontraktor Gred 1 (MCORE) sebelum pendaftaran kontraktor untuk tempoh seterusnya.</p> <p>4.3 Kontraktor Gred 7 boleh dikehendaki memiliki Sijil Program Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor (SCORE) sebelum pendaftaran kontraktor untuk tempoh seterusnya.</p>
5	PENGAUDITAN – Contractor’s Compliance Audit (CCA)
	<p>5.1 CIDB boleh mengkehendaki melalui notis yang dikemukakan apa-apa maklumat dan/ atau bukti yang menunjukkan kepatuhan kontraktor terhadap peruntukan Akta 520 atau Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.</p> <p>5.2 CIDB boleh menetapkan mana-mana kontraktor pada bila-bila masa untuk diaudit oleh pihak CIDB dan atau mana-mana Orang yang Diberkuasa oleh CIDB untuk:-</p>

	<ul style="list-style-type: none"> i. Menyemak kepatuhan kontraktor terhadap Akta 520 atau Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya. ii. Menyemak kepatuhan kontraktor terhadap tanggungjawab dan syarat serta terma pendaftaran yang terkena padanya. iii. Menyemak kesahihan mengenai apa-apa maklumat yang diistiharkan dan dizahirkan kepada CIDB. <p>5.3 Kegagalan atau ketidakpatuhan kontraktor pada perkara 5.1 dan 5.2 di atas boleh menyebabkan tindakan pendakwaan/ kompaun atau penalti dikenakan ke atas tiap-tiap kegagalan atau ketidakpatuhan tersebut.</p> <p>5.4 CIDB boleh mengenakan apa-apa tindakan yang difikirkan sesuai tanpa perlu melalui proses tatatertib sekiranya kegagalan atau pelanggaran tersebut tidak mengakibatkan pembatalan Perakuan Pendaftaran CIDB.</p>
6	KEPERLUAN MATA PEMBANGUNAN KONTRAKTOR SECARA BERTERUSAN (MATA CCD)
	<p>6.1 Kontraktor yang telah berdaftar dengan CIDB adalah diwajibkan untuk menyertai Program Pembangunan Secara Berterusan (CCD).</p> <p>6.2 Tempoh pendaftaran kontraktor yang seterusnya adalah bergantung kepada mata CCD yang dikumpul oleh pemilik/ pengarah/ pekerja/ sijil yang diperolehi oleh syarikat yang telah ditetapkan oleh CIDB.</p> <p>6.3 Mana-mana Kontraktor mempunyai status <i>Dormant</i> selama 3 tahun berturut-turut boleh ditarik balik perakuan pendaftarannya secara automatik oleh CIDB.</p>
7	KONTRAKTOR ASING
	<p>7.1 Kontraktor Asing yang ingin berdaftar dengan CIDB boleh diminta untuk mengemukakan Bon Pematuhan (Security for Compliance) sebagai jaminan pematuhan kepada Akta 520, Peraturan-Peraturan, Syarat-syarat dan terma serta Arahan yang dikeluarkan oleh CIDB dan mana-mana Akta bertulis yang lain.</p> <p>7.2 Bon Pematuhan ini boleh dirampas sebahagian atau sepenuhnya mengikut mana-mana yang dituntut oleh pihak yang berkepentingan dan yang telah ditetapkan oleh CIDB.</p>
8	INTEGRITI DAN KOD ETIKA
	<p>8.1 Kursus Integriti dan Kod Etika Kontraktor adalah diwajibkan kepada Kontraktor yang baru pertama kali berdaftar.</p> <p>8.2 Kontraktor boleh dikehendaki hadir dan lulus dalam Kursus Pematuhan Akta 520 dan akta-akta berkaitan Industri Pembinaan yang lain.</p>

	<p>8.3 Kursus Integriti dan Kod Etika mestilah dihadiri oleh salah seorang Pemilik/ Pengarah/ Ahli Lembaga Pengarah syarikat/perniagaan.</p> <p>8.4 Tempoh untuk Kontraktor menghadiri dan lulus Kursus Integriti dan Kod Etika Kontraktor adalah dihadkan dalam tempoh 2 tahun dari tarikh Perakuan Pendaftaran Kontraktor dikeluarkan atau sebelum Pendaftaran Kontraktor yang seterusnya.</p> <p>8.5 Sijil Pencapaian Kursus Integriti dan Kod Etika Kontraktor perlulah dikemukakan sebelum pendaftaran Kontraktor yang seterusnya atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh CIDB.</p>
9	PERLAKSANAAN PROJEK
	<p>9.1 Bagi Kontraktor Gred G5 dan keatas , kontraktor yang telah menyempurnakan projek pembinaannya boleh dikehendaki mengemukakan Sijil Siap Kerja yang mengandungi peratusan penggunaan bahan tempatan, pekerja tempatan, IBS, teknologi-teknologi baru dan sebagainya kepada CIDB. Sijil Siap Kerja tersebut hendaklah ditandatangani oleh klien dan konsultan.</p> <p>9.2 CIDB boleh mengkehendaki mana-mana Kontraktor untuk melaksanakan penilaian QLASSIC bagi mana-mana projek pembinaan yang telah siap dibina oleh Kontraktor dan belum diduduki mengikut kriteria dan prosedur yang telah ditetapkan oleh CIDB.</p> <p>9.3 Kontraktor hendaklah memastikan semua Personel Binaan Asing yang hendak digajikan telah mematuhi syarat-syarat sokongan penggajian Personel Binaan Asing seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Syarat-syarat asas permohonan penggajian pekerja asing/pegawai dagang sektor pembinaan yang ditetapkan oleh CIDB ii. memiliki Pas Lanjutan Kerja Sementara (PLKS) iii. mendapatkan surat sokongan daripada CIDB (PD) bagi kemasukan expatriat dalam sektor pembinaan. <p>9.4 Kontraktor boleh dikehendaki oleh CIDB untuk mematuhi apa-apa Arahan/ Standard/ Kod Amalan berkenaan pelaksanaan kerja-kerja pembinaan yang bertujuan menjaga keselamatan dan atau untuk meningkatkan kualiti pembinaan.</p>
10	PERSETUJUAN TERHADAP PENGGUNAAN MAKLUMAT
	<p>10.1 Semua data atau maklumat atau dokumen yang diisytiharkan, dizahirkan atau dikemukakan kepada CIDB adalah menjadi hak milik CIDB.</p> <p>10.2 CIDB mempunyai hak untuk menyalin, menerbit, mengedar, memindah, mengadaptasi, menggunakan data atau maklumat secara komersial atau tidak komersial; menggabungkan atau merangkumkan data atau maklumat dalam produk atau aplikasi.</p>

	<p>10.3 Kontraktor bersetuju bahawa data atau maklumat yang diisytiharkan dan dizahirkan kepada CIDB boleh digunapakai termasuk dan tidak tertakluk untuk:-</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Portal myN3C b) Portal Maklumat Pembinaan (CONVINCE) c) Kajian dan penyelidikan berkaitan Industri Pembinaan. d) Aplikasi Contractor 4U e) Laporan Penandatangan Kualiti Industri Pembinaan. f) Penyiasatan oleh mana-mana Agensi Kerajaan g) Malaysia Contractor Portal
11	PERSONEL BINAAN
	<p>11.1 Kontraktor yang mengambil Personel Binaan bekerja ditapak pembinaannya hendaklah memastikan Personel Binaan tersebut berdaftar dan sah tempoh pendaftarannya dengan CIDB sebelum dan semasa kerja-kerja pembinaan dilakukan.</p>
12	BAHAN BINAAN
	<p>3.1 Kontraktor yang menggunakan bahan binaan yang tidak diperakui boleh dikehendaki membayar kos pengujian, penyitaan, penyimpanan, pengangkutan dan pelupusan bahan binaan tersebut.</p>
13	LEVI
	<p>13.1 Pemilik dan Pengarah syarikat akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pengisytiharan melalui Sistem CIMS yang dibuat dan boleh dikenakan apa-apa tindakan sekiranya CIDB mendapati terdapat sebarang ketidaktepatan atau pemalsuan di dalam pengisytiharan tersebut.</p> <p>13.2 Kontraktor hendaklah mengisytiharkan dan menzahirkan butir-butir kerja-kerja pembinaan yang telah berubah dan siap sempurna sepenuhnya kepada CIDB melalui Sistem CIMS.</p> <p>13.3 Bayaran Levi perlu dibuat pada atau sebelum Tarikh Liabiliti. Tiada sebarang permohonan untuk pelarasan, bayaran ansuran, pengiraan dan pembayaran semula dan atau apa-apa bentuk rayuan akan diproses sebelum pembayaran penuh Levi dibuat. CIDB berhak mengambil sebarang tindakan atas kegagalan kontraktor membayar levi pada atau sebelum Tarikh Liabiliti.</p> <p>13.4 CIDB berhak untuk melantik juruperunding atau penilai sekiranya terdapat sebarang keraguan ke atas projek yang diisytihar. Nilai levi akan dikenakan berdasarkan kepada penilaian tersebut. Sekiranya pihak kontraktor/ klien tidak berpuas hati ke atas kadar tersebut, penilaian kedua akan dibuat oleh</p>

	<p>juruperunding yang dilantik oleh CIDB dan segala kos tersebut akan ditanggung oleh pihak kontraktor.</p>
14	<p>PEMATUHAN AKTA 520 DAN UNDANG-UNDANG BERTULIS YANG LAIN</p>
	<p>14.1 Kontraktor adalah berkewajipan untuk memberi maklumbalas terhadap surat dan notis CIDB berkaitan aduan dan ketidakpatuhan Kontraktor terhadap Akta 520, Syarat dan Terma yang dikenakan ke atasnya, Peraturan dan pekeliling CIDB serta mana-mana Undang-undang bertulis yang lain.</p> <p>14.2 Kontraktor mengakui bahawa semua maklumat yang diisytiharkan dan dizahirkan oleh Kontraktor kepada CIDB adalah seperti yang dikehendaki oleh garis panduan, mematuhi Akta 520 dan undang-undang bertulis yang lain.</p> <p>14.3 Kontraktor berkewajipan untuk mematuhi Akta 520, Peraturan-Peraturan, Syarat dan Terma yang dikenakan ke atasnya yang dikeluarkan melalui Pekeliling dan atau Surat Arahan CIDB serta mana-mana Undang-undang bertulis yang lain.</p> <p>14.4 CIDB boleh mengeluarkan apa-apa syarat tambahan dari masa ke semasa dengan mengeluarkan Pekeliling dan atau Surat Arahan.</p>
15	<p>TINDAKAN TATATERTIB</p>
	<p>15.1 Kontraktor adalah bertanggung jawab untuk mematuhi mana-mana Syarat dan Terma Pendaftaran ini, Arahan yang dikeluarkan melalui mana-man Pekeliling CIDB, Peraturan- Peraturan yang dikeluarkan selaras dengan kuasa di bawah Akta 520, mana-mana peruntukkan di bawah Akta 520 dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain. Kegagalan mematuhi perkara-perkara di atas boleh mengakibatkan satu Tindakan Tatatertib diambil ke atas Kontraktor.</p> <p>15.2 Kontraktor boleh dikenakan mana-mana satu atau kombinasi tindakan berikut yang difikirkan wajar oleh CIDB:-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Sekatan untuk sebarang bentuk permohonan di sistem atas talian CIMS; ii. Pembekuan Pendaftaran Kontraktor dan atau halangan menyertai sebarang tender; iii. Disenarai hitam Pengarah dan atau Syarikat; iv. Penarikan balik dan pengantungan pengiktirafan mana-mana sijil yang telah dikeluarkan dan atau diiktiraf oleh CIDB; v. Penarikan balik atau penurunan Gred Pendaftaran dan Pengkhususan Kontraktor; vi. Pengantungan, penarikan balik dan atau pembatalan Pendaftaran Kontraktor; vii. Kos untuk menguatkuasakan mana-mana Syarat dan Terma Pendaftaran ini, Arahan yang dikeluarkan melalui mana-mana Pekeliling CIDB, Peraturan- Peraturan yang dikeluarkan selaras dengan kuasa di bawah Akta 520, mana-mana peruntukkan di bawah Akta 520; viii. Penalti maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu (RM 500,000.00);

	<ul style="list-style-type: none"> ix. Dikenakan mata demerit; x. Di arah untuk menandatangani Akujanji dengan berserta Bon dan syarat tertentu; xi. Amaran berserta atau tanpa syarat; xii. Apa-apa bentuk Peringatan untuk tidak mengulangi apa-apa kesalahan atau kegagalan; xiii. Apa-apa bentuk Arahan lain yang difikirkan sesuai oleh CIDB termasuklah menghadiri dan lulus apa-apa kursus, mengaji mana-mana Orang Kompeten dan mengemukakan apa-apa dokumen dan atau pembuktian.
16	YURAN dan FI
	<p>16.1 Kegagalan Kontraktor membayar Yuran dan atau Fi yang telah ditetapkan oleh CIDB menyebabkan permohonan pendaftarannya boleh untuk tidak diproses.</p> <p>16.2 Yuran pemprosesan yang telah dibayar tidak akan dikembalikan.</p>